Sampaikanlah daripadaku walaupun satu ayat, dan ceritakanlah tentang Bani Israel dan tidak mengapa, dan sesiapa yang berdusta atas namaku dengan sengaja, maka hendaklah dia menempah tempat duduknya di dalam neraka

Daripada Abdullah bin Amr RA, bahawa Nabi bersabda: "Sampaikanlah daripadaku walaupun satu ayat, dan ceritakanlah tentang Bani Israel dan tidak mengapa, dan sesiapa yang berdusta atas namaku dengan sengaja, maka hendaklah dia menempah tempat duduknya di dalam neraka."

[رواه البخاري] [صحيح]

Nabi memerintahkan untuk menyampaikan ilmu daripada Baginda, sama ada daripada al-Quran atau sunnah, walaupun hanya sedikit seperti satu ayat al-Quran atau sepotong hadis, dengan syarat dia berilmu tentang apa yang disampaikan dan didakwahkannya. Kemudian Rasulullah صلى الله عليه وسلم menjelaskan bahawa tidak mengapa menceritakan kisah-kisah daripada Bani Israel, selagi ia tidak bertentangan dengan syariat kita. Kemudian baginda memberi amaran tentang berdusta atas nama baginda, bahawa sesiapa yang berdusta atas nama baginda dengan sengaja, maka hendaklah dia mengambil tempatnya di dalam neraka.

http://www.sunnah.global/hadeeth/ms/show/3686